

16 JAN 2002

Mahathir-Ilmu (Bergambar)

BUMIPUTERA PERLU KUASAI ILMU JIKA MAHU KECAPI KEMAJUAN, KATA PM

SERDANG, 16 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan bahawa masyarakat Bumiputera tidak akan dapat menikmati sepenuhnya kemajuan sebagai sebuah negara maju seperti yang dirancang pada 2020 jika pelajar Bumiputera gagal menguasai pelbagai ilmu dengan baik.

Beliau berkata adalah penting bagi pelajar Bumiputera untuk menguasai ilmu dan pengetahuan secukupnya kerana dalam era globalisasi kuasa-kuasa asing akan cuba melemahkan negara.

Dr Mahathir berkata jika pelajar Bumiputera tidak memberi tumpuan yang secukupnya dalam menguasai pelbagai ilmu, mereka akan menjadi warga yang kurang cekap dan kurang mampu untuk membangunkan negara.

"Ini tentulah amat malang sekali. Bagi penuntut Bumiputera beban dan tanggungjawab menguasai ilmu adalah lebih besar daripada pelajar bukan Bumiputera," katanya ketika berucap di hadapan lebih 5,000 pelajar dan kakitangan Universiti Putra Malaysia (UPM) pada majlis ramah mesra di sini.

Dr Mahathir berkata dalam negara pelbagai kaum seperti Malaysia, jika pelajar Bumiputera gagal menguasai ilmu dengan sempurna, mereka akan menjadi anggota kaum yang mundur dan ini tidak akan menyumbang kepada keamanan dan ketenteraman negara.

Perdana Menteri berkata pelajar Bumiputera khususnya di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) harus menuntut ilmu secara serius dengan mengetepikan minat berpolitik sehingga mereka tamat pengajian.

"Dapatkan ilmu pengetahuan dan kelulusan yang tinggi sebelum mengambil bahagian dalam bidang-bidang lain. Dengan ilmu pengetahuan dan kelulusan yang tinggi ini penyertaan kita dalam bidang lain akan lebih bermakna," katanya.

Malahan, kata Dr Mahathir, penguasaan ilmu itu adalah sebahagian daripada ibadat orang Islam dan ajaran Islam sendiri meminta umatnya menguasai semua ilmu kerana ia adalah suatu kewajipan.

"Jadi jangan abaikan ilmu-ilmu lain yang sumbangkan kebahagiaan kepada orang Islam supaya mereka tidak dihina seperti sekarang ini," katanya.

Dr Mahathir berkata beliau tidak perlu memberikan nasihat yang sama kepada kaum bukan Bumiputera kerana mereka memberikan tumpuan kepada penguasaan pelbagai ilmu.

Perdana Menteri berkata pelajar yang berminat dalam bidang politik bolehlah berbuat demikian apabila mereka tamat pengajian dan dengan wang sendiri kerana menurutnya kerajaan membelanjakan wang yang banyak bagi membiayai pendidikan pelajar-pelajar universiti di negara ini.

"Politik akan ada dalam negara selama-lamanya...(jadi boleh sabar)," katanya.

Perdana Menteri berkata beliau yakin kebolehan orang-orang Melayu tidak kurang dengan kaum lain di negara ini.

"Walaupun kita ada otak yang geliga, tapi tanpa usaha-usaha pelajari sesuatu dengan tekun, kita tidak mungkin jadi seorang yang cukup mendalam ilmu pengetahuannya," katanya.

Dr Mahathir juga berkata tugas generasi yang ada sekarang adalah bagi menentukan keadaan negara sempurna dan aman serta dibangunkan apabila diserahkan kepada generasi akan datang.

"Tanggungjawab generasi ini adalah untuk memimpin dan membangunkan supaya apa yang diserahkan nanti dalam keadaan baik dan boleh dimajukan lagi. Tapi sesuatu yang diterima baik sama ada kekal baik bergantung kepada

mereka yang mewarisinya iaitu generasi muda," katanya.

Dr Mahathir berkata, sewaktu merdeka negara tidak memiliki satu universiti pun tetapi pada hari ini terdapat 14 universiti awam dan banyak lagi pusat pengajian tinggi swasta dan kemajuan yang dicapai ini adalah hasil usaha sendiri.

"Kita jadi lebih pesat daripada negara lain yang mencapai kemerdekaan pada masa yang sama seperti kita," katanya.

-- BERNAMA

RV SNS AHH MOZ